



HUZILI (enam kanan) bersama peserta ceramah Motivasi Cemerlang Dunia dan Akhirat di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

60 staf UMSKAL jayakan Kursus Budaya Cemerlang

UR 5.10.13 47

LABUAN: Seramai 60 kakitangan akademik dan bukan akademik Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menjayakan ceramah motivasi 'Cemerlang Dunia dan Akhirat' pada 2 dan 3 Oktober 2013.

Kursus dua harian juran Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran UMSKAL itu dikendalikan Dekan Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Dr Haji Huzili Hussin.

Turut menghadiri kursus itu ialah Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Musnin Mattersah, Penolong Pendaftar Kanan Sekolah Perniagaan dan

Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Norhanizah Adnan dan Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran, Noraini Samsu.

Huzili menekankan enam formula kejayaan iaitu menepatisyarat-syarat kejayaan, mengawal diri secara berterusan, menilai diri sendiri, mengekalkan tindakan yang benar secara berterusan, berusaha bersungguh-sungguh dan menghakis sifat-sifat buruk.

Beliau turut menasihatkan peserta supaya sentiasa menyayangi negara Malaysia yang memiliki banyak kelebihan berbanding negara lain termasuk keamanan, saling hormat-menghormati dan menghargai walaupun rakyatnya terdiri daripada berbilang agama dan bangsa serta fahaman.